



MESRA... Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak meluangkan masa beramah mesra bersama 10 pelajar yang akan mengikuti program pertukaran pelajar ke Jerman dan Australia.

UUM ONLINE: Sepuluh mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terpilih mengikuti pengajian di luar negara disifatkan sebagai duta kecil Malaysia yang membantu mempromosikan Malaysia dalam menonjolkan imej yang baik kepada masyarakat global di samping mewujudkan persefahaman dari aspek sosial dan budaya antara negara.

Mereka adalah cerminan negara dan perlu sentiasa menunjukkan yang terbaik dengan mempamerkan nilai dan keistimewaan Malaysia dari aspek gaya hidup masyarakat timur, kebudayaan dan sosial dalam memberi gambaran sebenar.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak mengucapkan tahniah kepada mahasiswa yang terpilih menyertai program pertukaran pelajar selama empat bulan di University of Adelaide, Australia dan Accadis Hochschule Bad Homburg, Jerman.

Ujarnya, program yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi itu membolehkan pelajar mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa dan menjadi duta kecil Malaysia di Jerman dan Australia.

"Selain mengikuti kelas seperti biasa, ia membuka jalan kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, membina hubungan dan mempelajari kehidupan masyarakat di negara masing-masing," ucapnya di VC's Lounge, kelmarin.

Jelasnya, melalui program ini UUM dapat melahirkan lebih ramai modal insan yang produktif, berkualiti, berdaya saing, kompetitif serta bijak menyesuaikan diri dalam dunia tanpa sempadan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Ketika sesi ramah mesra, beliau sempat berpesan agar pandai membawa diri, tidak terpengaruh dengan budaya asing dan sentiasa mematuhi arahan yang ditetapkan walau di mana saja berada demi menjaga nama baik negara tercinta.

Sementara itu, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Mohd Shafiq Azman berkata, program ini merupakan usaha pintar universiti untuk mengglobalisasikan pelajar melalui kerjasama dengan institusi luar negara.

"Menjalani pembelajaran sangat penting kepada kami tetapi apa yang lebih penting ialah pelajar perlu membuka minda terhadap dunia luar yang nyata berbeza.

"Ia memberi peluang kepada pelajar UUM untuk menimba pengalaman di luar negara agar mendapat pendedahan sewajarnya dalam usaha melahirkan graduan yang kreatif, komited dan cekap," katanya yang akan ke Australia dalam masa terdekat.

Beliau berharap tempoh itu akan mematangkan mereka sekali gus membentuk keyakinan diri dan komunikasi berkesan yang menjadi nilai tambah kepada pelajar itu sendiri.

Manakala, Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, Farah Huda Ariffin berpendapat program itu merupakan satu platform terbaik dalam membentuk jati diri untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang tetapi memiliki personaliti unggul, intelek dan profesional.

"Menerusi program ini pelajar dapat mengenali budaya luar dan lebih terbuka untuk membentuk graduan berkaliber dalam usaha membangunkan negara seiring dengan negara maju," katanya yang akan berlepas ke Accadis Hochschule Bad Homburg, Jerman.

Tambahnya, sebelum mendapat tawaran ini satu mekanisme disediakan untuk memilih yang terbaik dalam bidang masing-masing melalui saringan yang ketat seperti temu duga dan menduduki peperiksaan.

"Saya bersyukur dengan kepercayaan yang diberikan oleh universiti kerana ia bukan sahaja menambah pengalaman dan ilmu malah mendidik kami untuk hidup berdikari di perantauan yang penuh mencabar selain mendalami potensi diri dan membentuk sahsiah yang mulia," ujarnya.

Katanya, semua persediaan telah dibuat dan cabaran yang datang tidak akan mematahkan semangat sebaliknya menjadi kekuatan dalam membuktikan pelajar UUM mampu bersaing di arena global.

Habis.